

**RAHSIA PENAKLUKAN MELAKA 1511** oleh Tun Suzana Tun Othman & Hasanuddin Yusof. 2020. Penerbit Alami Sdn Bhd. Halaman 310. ISBN: 978-967-16795-7-9

Buku ini dikarang oleh Tun Suzana Tun Othman bersama Hasanuddin Yusof dan mengandungi 10 bab. Tema utama lebih berunsurkan sejarah penaklukan Kota Melaka oleh kuasa-kuasa besar dunia (Portugis, Belanda, dan Inggeris). Ulasan dibuat berdasarkan urutan setiap bab dan keseluruhan. Kronologi ceritanya amat menarik hasil kekreatifan pengarang dalam mengadunkan fakta-fakta sejarah, gambar-gambar sebenar, dan ilustrasi-ilustrasi yang berwarna-warni.

Pengarang tidak terus merungkai rahsia penaklukan Melaka, sebaliknya menerusi bab pertama menceritakan kejayaan pemerintahan Islam berpusat di Cordova, Andalusia yang diasaskan oleh panglima Tariq bin Ziyad. Sepanjang pemerintahan Islam, khalifah-khalifah Islam berjaya membangunkan ketamadunan, kebudayaan dan peradaban yang tinggi serta menjadi panduan masyarakat Kristian Eropah yang masih hidup dalam kegelapan pada zaman tersebut. Antara peradaban Islam yang ditonjolkan ialah keadilan, kedamaian, kesejahteraan dan keamanan sejagat selain kecemerlangan dalam bidang seni, sains, kesusasteraan, falsafah, senibina, matematik, teknologi dan perubatan. Kota Cordova menjadi masyhur dan menjadi daya tarikan para ilmuan dari Eropah datang untuk mendalami bidang-bidang yang ditawarkan oleh Universiti Cordova ketika itu. Namun demikian kegemilangan Andalusia mula merudum akibat perebutan kuasa dan kewujudan wilayah-wilayah kecil. Keadaan tersebut memberi peluang pihak Kristian menyatukan semua wilayah Sepanyol di bawah pembentukan kerajaan Sepanyol yang bersatu. Pemerintahan Islam di Andalusia berakhir pada 1492 apabila Abu Abdullah, iaitu khalifah Islam terakhir terpaksa menyerahkan Granada kepada Raja Ferdinand. Rasionalnya, pengarang memulakan bab 1 dengan menceritakan kecemerlangan dan kejatuhan kerajaan Islam di Andalusia sebenarnya mempunyai perkaitan yang sama dengan Kesultanan Melayu Melaka yang pernah masyhur dan akhirnya mengalami kehancuran setelah ditewaskan oleh tentera Portugis.

Seterusnya dalam bab kedua, penulis merungkai Perang Salib yang merupakan rangkaian peperangan antara orang Kristian dengan umat Islam. Matlamat utama peperangan tersebut adalah untuk merampas kembali tanah suci Jerusalem yang diduduki oleh tentera Islam. Selain menyatukan kembali kerajaan-kerajaan Kristian yang berpecah belah akibat pelbagai konflik dalaman termasuk mazhab Kristian Katolik. Permusuhan tersebut telah bermula sejak Rasulullah lagi dengan tercetusnya Perang Tabuk (9 Hijrah/631 Masihi). Pada zaman khalifah Umar, terdapat tiga kejayaan besar telah dicapai iaitu menewaskan Maharaja Byzantium (Heraclius), menawan Baitulmaqdis di Palestin yang merupakan kota suci tiga agama (Islam, Yahudi dan Kristian) dan penawanan Kota Iskandariah di Mesir. Kekalahan tersebut menyemarakkan rasa dendam orang-orang Kristian terhadap umat Islam. Pengajaran daripada kekalahan dalam peperangan telah membuka pemikiran orang-orang Eropah untuk meningkatkan kemajuan diri maka muncullah era *Renaissance*. Eropah sedar jika mereka menguasai ilmu pelayaran maka mereka akan dapat menguasai dunia perdagangan terutama di benua Timur Jauh. Raja-raja Portugal yang memerintah ketika itu menggalakkan ahli-ahli pelayaran meneroka dunia baharu supaya mereka boleh mencipta laluan perdagangan baharu selain membawa misi dakwah Kristian. Penerokaan dunia baharu telah mewujudkan aktiviti-aktiviti pelayaran penting pada abad ke-15, terutamanya di bawah pemerintahan Putera Henry. Cabaran ekspedisi penjelajahan mereka ialah penguasaan tentera Islam terhadap laluan perdagangan di Lautan Hindi. Oleh itu,

matlamat penjelajahan pedagang-pedagang Kristian telah terganggu. Mereka mengetahui kemasyhuran Melaka sebagai sebuah pelabuhan bertaraf antarabangsa menjadi tumpuan para pedagang dari seluruh pelosok dunia. Pengarang banyak menonjolkan keakraban hubungan dagang antara para pedagang Arab di pelabuhan-pelabuhan di gugusan kepulauan Melayu. Selain berjual beli barang, pedagang-pedagang Arab juga menyebarkan dakwah Islamiyyah kepada penduduk tempatan malahan mereka berjaya menarik perhatian golongan pembesar dan bangsawan untuk berkahwin dengan puteri-puterinya. Pada masa yang sama para pemerintah dan penduduk tempatan di kepulauan Melayu telah sekian lama menjalin persahabatan yang erat dengan pedagang-pedagang Islam dari Arab, Farsi dan Gujerat. Kebanyakan penduduk tempatan telah memeluk Islam dan mengamalkan corak kehidupan Islam.

Namun pengarang turut menceritakan era penjelajahan dan penjajahan membawa kedatangan kuasa-kuasa besar Eropah ke kepulauan Melayu bukan sahaja untuk berdagang malah bertujuan menyebarkan agama Kristian. Justeru, Alam Melayu telah menjadi tumpuan utama ekspedisi pengembara dan pelaut Portugis serta Sepanyol untuk menguasai perdagangan dari orang-orang Islam.

Menelusuri bab ke-3, pengarang menceritakan tentang sejarah kegemilangan empayar Melaka sehingga kedatangan kuasa penjajah Eropah, dengan memperincikan salasilah kerajaan beraja di Melaka dari permulaan, kegemilangan hingga kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka. Kehancuran kerajaan Islam Andalusia yang berpusat di Granada pada 1492 telah mengubah corak kehidupan Islam yang terkenal dengan toleransi beragama, kedamaian, keadilan telah digantikan dengan unsur-unsur kehidupan yang kejam (keganasan, kekejaman dan penindasan) terhadap orang-orang Islam yang enggan menganuti agama Kristian. Selain itu, kemenangan tersebut juga membuka peluang seluas-luasnya penguasaan laluan perdagangan timur dan barat kepada Portugal dan Sepanyol. Fokus utama mereka ialah mengeksploitasi ekonomi, penyebaran agama Kristian dan penguasaan wilayah di kepulauan Melayu. Kemuncak kegemilangan tamadun dan peradaban Melayu Islam dicapai ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka. Setelah Islam bertapak di alam Melayu, corak pemikiran, kepercayaan, sistem pemerintahan, perundangan, pendidikan, perdagangan, pertahanan, bahasa komunikasi, kesenian berbeza dari sebelumnya. Ajaran Islam yang berunsurkan keesaan Allah, ketauhidan, ketasawufan telah melahirkan bangsa Melayu yang beradab dan berbudi pekerti mulia. Selain itu, ajaran Islam juga telah berjaya menyatukan banyak kerajaan di kepulauan Melayu yang dipisahkan oleh kedudukan geografi kepada konsep persaudaraan melalui semangat ukhuwah Islamiyyah. Pelbagai bangsa bertumpu di pelabuhan Melaka untuk berdagang. Catatan menyatakan terdapat lebih kurang 59 suku kaum, puak, bangsa dan bertutur sebanyak 84 bahasa semasa menjalani urusan perdagangan. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa *lingua franca* yang membolehkan integrasi sosial antara pedagang yang berniaga di pelabuhan. Selain itu, penyebaran ilmu Islam menggunakan bahasa Melayu mudah difahami oleh penduduk tempatan. Pedagang-pedagang Arab, India, Gujerat, Yaman datang ke Melaka bukan sahaja untuk berniaga tetapi untuk menyebarkan ajaran Islam kerana kesultanan Melaka tidak menindas saudagar-saudagar Islam malah banyak memberi kemudahan kepada golongan ulama Islam terutama sebagai penasihat agama lebih-lebih lagi jika ulama-ulama tersebut bermazhab Syafi'e.

Proses asimilasi dan percampuran antara penduduk tempatan dengan saudagar Islam telah membantu penyebaran Islam berjalan lancar tanpa sebarang gangguan. Corak kehidupan sebelum ini yang menganuti animisme, Hindu, Buddha, dewa-dewi, semangat mistik, kepercayaan syirik dan amalan khurafat sedikit demi sedikit dihilangkan dan digantikan dengan kepercayaan berasaskan konsep Tauhid kepada Allah. Ajaran-ajaran baharu yang berunsurkan Tauhid, Syariat, Tasawuf, Ihsan mula berkembang dan meningkatkan perbendaharaan bahasa Melayu dan tulisan jawi. Kecemerlangan pentadbiran Melaka adalah disebabkan sistem perundangannya yang tersusun dan dipraktikkan dengan baik melalui Hukum Kanun Melaka yang digubal berlandaskan undang-undang syariat dan undang-undang adat. Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 Fasal merangkumi sistem pentadbiran, perkahwinan, pengkebumian, hartanah, pewarisan dan sebagainya. Pengaruh Islam amat banyak diterapkan dalam fasal-fasal Hukum Kanun Melaka. Proses Islamilasi Alam Melayu mencapai kegemilangannya pada abad ke-17 hingga ke-18 masihi apabila banyak kitab agama Islam ditulis oleh para cendekiawan dan pendakwah tempatan seperti Syeikh Abdullah Arif, Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri, Syeikh Nuruddin ar-Raniri dan lain-lain. Mereka bertanggungjawab mendidik anak-anak muda melalui amalan bertahlil, mengaji Al-Quran, beratib, bertalkin, bermarhaban, bertawassul dan secara tidak langsung membentuk minda, aliran pemikiran, kejiwaan masyarakat Islam yang sejati. Bab ke-3 merupakan teras kekuatan buku ini. Para pembaca didedahkan bahawa kegemilangan Melaka bukan sahaja berkaitan ekonomi, malah merangkumi sistem pemerintahan, agama, politik, kehakiman dan sosiobudaya kehidupan yang bersendikan syiar Islam.

Menerusi bab ke-4, pengarang memaparkan motif sebenar penaklukan ke atas Melaka dilaksanakan oleh Portugal. Bab ini pengarang memulakan dengan penceritaan kekecewaan penduduk Kristian Eropah akibat kehancuran kerajaan Konstantinople di tangan Sultan Muhammad al-Fatih. Mereka berasa marah, dendam, takut dan perasaan rendah diri melihat Kota Konstantinople telah digantikan dengan Kota Istanbul oleh Daulah Uthmaniyah. Masyarakat Kristian perlu memerangi umat Islam yang didogmakan sebagai satu kepercayaan suci agama Kristian. Eropah terutama Portugis perlu menguasai sumber kekayaan orang-orang Islam iaitu perdagangan rempah sebelum menakluki Kota Melaka. Mereka memahami bahawa kekuatan umat Islam menguasai jalan perdagangan ke timur sama ada di darat (laluan sutera) dan di lautan (Laut Hindi). Orang-orang Kristian memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang ditinggalkan oleh para ilmuan Islam. Mereka juga mengamalkan polisi "*Inkuisisi*" iaitu mengkristiankan orang-orang Islam dan menghapuskan kesan-kesan Islam. Kejayaan Melaka menjadi sebuah pelabuhan antarabangsa ketika itu disebabkan polisi-polisi yang dilaksanakan oleh sultan-sultan Melaka terhadap para pedagang asing adalah sama dan adil.

Serangan tentera Portugis ke atas Melaka tidak berlaku secara mengejut tetapi dengan menghantar satu delegasi yang diketuai Diego Lopez de Sequeira bersama dengan 18 orang pengiring untuk berbincang dengan para pembesar dan sultan Melaka berkaitan hubungan diplomatik, meminta izin membina gudang dan kubu-kubu bagi melindungi para pedagang Eropah. Namun demikian, tujuan sebenar kedatangan mereka untuk mengintip kekuatan Melaka dan maklumat-maklumat pertahanan Melaka. Kekecohan timbul apabila pedagang-pedagang Islam dan penduduk tempatan mengadu kepada Sultan Melaka tentang sikap dan kelakuan tentera Portugis yang mencurigakan. Mereka mencadangkan agar orang-orang Portugis diusir dari bumi Melaka. Atas desakan pedagang-pedagang Islam, Bendahara Melaka (Tun Mutahir)

pun menangkap orang-orang Portugis dan memenjarakannya tetapi Diego lopez berjaya meloloskan diri lalu kembali ke Portugal. Kejayaan Portugis menawan Goa pada tahun 1510 telah menaikkan semangat tentera untuk menawan Melaka. Pada waktu yang sama kerajaan Melaka sedang menghadapi konflik dalaman apabila Bendahara Melaka, iaitu Tun Mutahir dan keluarganya dibunuh angkara fitnah menyebabkan sistem pentadbiran Melaka mulai lemah. Keadaan ditambah pula dengan sikap negatif Sultan Mahmud dan dikelilingi para pembesar yang mudah dirasuah, tamak dan belot dengan membocorkan maklumat sulit pertahanan Melaka kepada Portugis. Pengulas mendapati banyak kelemahan dialami oleh pemerintahan Melaka dan dalam masa yang sama banyak peluang diperolehi Portugis untuk merampas pelabuhan yang kaya itu.

Seterusnya bab ke-5, pengarang menceritakan situasi peperangan antara tentera Portugis dengan para pahlawan Melaka yang diketuai oleh Sultan Melaka sendiri. Serangan Portugis ke atas Kota Melaka dilakukan sebanyak dua kali. Serangan pertama, pihak Portugis mengalami kekalahan dan terpaksa berundur dari pelabuhan Melaka tetapi tidak meninggalkan terus sebaliknya bertahan untuk sementara. Selepas dua minggu, sekali lagi tentera melakukan serangan yang lebih besar dengan bantuan orang-orang India, China, Jawa yang bukan beragama Islam. Kekuatan ditambah pula dengan kebocoran maklumat-maklumat sulit pertahanan Melaka oleh pembesar-pembesar Melaka yang berpaling tadah. Serangan ke atas Kota Melaka mengambil masa lebih kurang 10 hari. Angkatan Portugis berjaya memusnahkan kubu-kubu, jambatan penting, masjid dan istana Melaka. Penduduk Melaka yang enggan menyerah kalah akan dibunuh. Jalan terakhir yang dilakukan oleh pihak istana ialah berundur dari Kota Melaka yang telah musnah. Sebelum itu, Sultan Mahmud Shah menghimpunkan semua hasil perbendaharaan, putera-puteri, dayang-dayang, pembesar-pembesar dan hulu balang istana lalu meninggalkan Kota Melaka. Tindakan terakhir orang-orang Melaka telah membakar istana untuk mengelakkan tempat tersebut digunakan oleh tentera Portugis. Dengan berundurnya Sultan Melaka dari Kota Melaka maka jatuhlah kekuasaannya ke tangan Portugis. Tindakan awal yang dilakukan oleh tentera Portugis ialah membina kubu pertahanan A Famosa dan gereja di atas bukit Melaka. Seterusnya, Portugis melakukan "*Portuguese Inquisition*" dengan menghapuskan ciri-ciri Islam di Melaka. Penduduk dijadikan hamba abdi, dipaksa memeluk Kristian, masjid-masjid dirobuhkan dan mangsa disiksa dengan kejam jika membantah. Hakikat kekalahan mempertahankan Kota Melaka, Sultan Mahmud Syah bersama para pengikutnya berundur ke Johor dan kemudian ke Kampar, Sumatera dan mangkat di sana. Pengarang berupaya membangkitkan emosi para pembaca menerusi bab ini. Suasana peperangan dirasai dengan memaparkan kehebatan hulubalang-hulubalang Melaka dalam melawan tentera Portugis. Semangat patriotik mereka mempertahankan tanah air amat terkesan terhadap pembaca untuk terus membaca bab-bab selanjutnya. Selain itu, didedahkan juga teknik-teknik dan peralatan peperangan tentera Melaka setanding dengan tentera asing.

Kemenangan atau kekalahan dalam sesuatu peperangan biasanya dikaitkan dengan sejauh mana kehebatan persenjataan yang digunakan. Bab ke-6 memperlihatkan kemajuan teknologi senjata peperangan yang digunakan oleh tentera Melaka ketika berperang dengan tentera Portugis. Sebenarnya hasil penyelidikan arkeologi membuktikan bahawa orang-orang Melayu telah menunjukkan kepakaran yang tinggi dalam membuat meriam setanding dengan negara-negara asing. Peralatan meriam diperbuat daripada tembaga dan bijih timah yang banyak terdapat di

bumi Melaka. Hasil penyelidikan arkeologi membuktikan bahawa Pahang pernah menjadi pusat pembuatan meriam bagi menghadapi ancaman Siam kepada Melaka. Bahan mentah seperti tanah liat banyak terdapat di Sungai Tembeling. Kubu-kubu pertahanan di Melaka dibina menggunakan kepakaran tempatan. Catatan oleh beberapa sejarawan Portugis menyatakan bahawa tentera Melaka telah menggunakan senjata api sebelum kedatangan Portugis dan dinyatakan Sultan Melaka memiliki sebanyak lapan ribu pucuk senjata api (meriam dan senapang pelantak). Begitu juga dengan kubu-kubu pertahanan Melaka diperbuat daripada batang pokok yang besar, tebal dan dilengkapi dengan pelbagai jenis meriam dan juga bekas-bekas berisi belerang. Adalah jelas bahawa teknologi senjata api yang digunakan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka adalah setanding dengan pembuatan meriam di Jerman. Oleh itu, kekalahan tentera Melaka bukan disebabkan faktor senjata. Para pengkaji sejarah menyatakan faktor-faktor kekalahan tentera Melaka ialah penyakit al-Wahn (cintakan dunia dan takutkan mati). Sultan-sultan Melaka, para pembesar, ketua-ketua suku kaum di Melaka telah lupa diri masing-masing disebabkan kekayaan harta yang diperolehi ketika zaman kegemilangan Melaka. Mereka bersikap sombong, zalim, kedekut, angkuh, berdendam kesumat, amalan rasuah dan iri hati sesama bangsa. Semua sikap tersebut menyebabkan mereka lemah semangat dan jati diri kepada negara Melaka. Sebaliknya, tentera Portugis mempunyai kemahiran, teknik-teknik peperangan dan ketahanan psikologi yang tinggi. Ini termasuklah sokongan pihak pemerintah Portugal yang mahu tentera Portugis bersungguh-sungguh menewaskan Kota Melaka. Panglima perang Portugis (Afonso de Albuquerque) yang cukup berpengalaman, kemahiran teknik-teknik perang yang sistematik dan semangat perang yang tinggi.

Nasib penduduk Kota Melaka di bawah pemerintahan Portugis diulas berdasarkan bab ke-7. Kemenangan Portugis menewaskan Melaka merupakan kejayaan ulung di gugusan kepulauan Melayu dan diraikan di gereja St. Maria del Popolo di Rom. Portugis bertindak kejam terhadap penduduk tempatan dengan melakukan polisi "*Portuguese Inquisition*", iaitu suatu proses menghapuskan ciri-ciri Islam ke atas saki baki penduduk Melaka yang masih tinggal. Mereka yang menentang diseksa atau dibunuh. Umat Islam dipaksa memeluk agama Kristian. Kaum lelaki dipaksa menjadi hamba abdi membina kubu-kubu pertahanan, masjid-masjid diruntuhkan, kubur-kubur Islam dimusnahkan dan batu-batu nisan makam dicabut dan dijadikan tembok pertahanan Portugis. Harta penduduk dan golongan pembesar dirampas serta kesan-kesan tamadun Islam dan Arab dipadamkan. Adalah jelas tindakan Portugis tersebut untuk membalas dendam kesumat di hati mereka yang tewas di tangan tentera Islam di Andalusia dan Konstaninople. Mereka yang tinggal adalah penduduk bukan Islam dan pedagang-pedagang asing yang tidak sempat melarikan diri. Pentadbir Portugis mengenakan cukai yang tinggi kepada pedagang-pedagang asing. Langkah tersebut menyebabkan mereka enggan berdagang di Melaka maka secara tidak langsung aktiviti-aktiviti perdagangan di pelabuhan Melaka merosot dari semasa ke semasa. Melaka tidak lagi menjadi pusat perdagangan yang strategik di laluan timur dan barat.

Daripada aspek pentadbiran, Kota Melaka telah diubah menjadi Kota Portugis dan kebanyakan jawatan dipegang oleh golongan *casados* (kaum lelaki yang berkahwin dengan penduduk tempatan dan para pedagang Gujerat). Golongan tersebut menjadi tulang belakang dalam sistem pentadbiran Portugis di Melaka. Layanan terhadap penduduk yang bukan Islam amat baik. Mereka diberi pelbagai keistimewaan seperti pemilikan tanah, harta, hak berniaga, permit dan

keselamatan. Selain itu, kerajaan Portugis menggalakkan perkahwinan campur dengan penduduk tempatan, asalkan mereka menjadi orang-orang Kristian. Golongan ini dinamakan *Mulatto*, *Mesticos* dan lain-lain. Orang-orang Keling Hindu diberi pelbagai jawatan dalam pentadbiran Portugis (Shahbandar, Bendahara, dan lain-lain). Walaupun Portugis cuma mengekalkan struktur pentadbiran berasaskan kerajaan Melaka sebelum itu, namun fungsinya berubah-ubah mengikut kehendak Portugis. Pentadbiran Melaka dibahagikan kepada empat daerah utama dan setiap daerah diketuai oleh seorang Shahbandar yang mempunyai tugas tertentu seperti mengawal pelayaran dari timur, kepulauan Jawa, Sumatera Utara dan Gujerat. Mereka diberi hadiah sebagai elaun ke atas perkhidmatan mereka. Selain itu, Afonso juga memperkenalkan sistem mata wang yang baharu iaitu syiling bagi menggantikan emas dan perak selain mengekalkan sistem tukar barang (barter). Penduduk asal yang memeluk Kristian akan menerima layanan yang sama dengan orang-orang Portugis. Pegawai-pegawai melaksanakan banyak peraturan untuk mengembangkan ajaran Kristian ke atas penduduk Melaka. Antaranya, membina sekolah-sekolah Jesus, mengajar agama Kristian dalam bahasa Melayu, menterjemah buku-buku atau kitab-kitab Kristian, penyebaran ajaran Kristian ke anak-anak tempatan dan mengambil mubaligh-mubaligh Hindu yang telah dikristiankan untuk berkhidmat di gereja. Pasca kejatuhan Melaka telah membawa perubahan besar dalam sistem pemerintahan, agama, ketenteraan, perdagangan, dan sebagainya. Dasar-dasar Portugis amat bertentangan dengan corak kehidupan penduduk tempatan sebelum penaklukan Melaka.

Seterusnya bab ke-8 menceritakan kebangkitan kerajaan-kerajaan Islam di kepulauan Melayu menentang penjajahan Portugis di bumi Melaka. Berapa buah kerajaan kecil Islam telah membuat serangan jihad ke atas kubu kuat Portugis. Semangat mengusir tentera kafir tidak pernah padam kerana mereka sedar lambat laun penduduk tempatan juga akan dikristiankan oleh mubaligh-mubaligh Portugis. Kejatuhan kerajaan Melaka pada 1511 amat diratapi oleh seluruh penduduk dan kerajaan-kerajaan Islam di seluruh rantau kepulauan Melayu. Selepas kejayaan Portugis menawan Kota Melaka bukan bermaksud kuasa politik penduduk tempatan telah terhapus tetapi telah membangkitkan semangat jihad dalam kalangan kerajaan Islam yang lain. Keadaan sebaliknya berlaku apabila Portugis terpaksa menerima tentangan yang hebat daripada kerajaan-kerajaan Islam yang lain. Faktor penolakan ajaran Kristian dalam kalangan penduduk tempatan disebabkan penyebaran itu secara paksaan dan kekerasan oleh para mubaligh Portugis. Tindakan tersebut menaikkan semangat jihad dan kemarahan penduduk tempatan.

Kekalahan Melaka di tangan Portugis telah digantikan dengan kemunculan Aceh sebagai kuasa politik Islam yang baharu dan semakin berkembang. Pemimpin Islam Aceh, iaitu Ali Mughayat Shah telah berjaya mengekang pengaruh Portugis dengan bertindak menyatukan kerajaan-kerajaan Islam dan mengusir keluar kuasa Portugis. Baginda mengemaskinikan kelancaran pentadbiran dengan menetapkan empat prinsip, iaitu menyusun hukum dan ketatanegaraan, memperkuat politik luar negara, meningkatkan kekuatan tentera dan mengukuhkan ekonomi Aceh. Pusat Daulah Islamiyyah yang cemerlang berpusat di Banda Aceh. Sumbangan besar baginda telah menyatupadukan wilayah-wilayah kecil agar menjadi satu kuasa Islam yang kuat dengan menyemarakkan semangat jihad bagi mengusir Portugis daripada menguasai laluan perdagangan antarabangsa timur dan barat. Pentadbiran Portugis menganggap Aceh sebagai musuh utama di rantau kepulauan Melayu selepas kejatuhan Melaka. Selepas kemangkatan Sultan Ali Mughayat Shah, takhta Aceh disandang oleh puteranya (Sultan Ala'uddin Riayat

Shah). Baginda meneruskan dasar-dasar pemerintah ayahandanya dan mengukuh kekuatan ketenteraan dengan mengadakan hubungan diplomatik serta ketenteraan dengan kerajaan Uthmaniyah di Turki. Seterusnya, zaman kegemilangan Aceh mencapai kemuncaknya apabila diperintah oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636). Salah satu serangan yang hebat yang pernah dipimpinnya melibatkan 20000 orang tentera bersama 236 buah kapal perang. Angkatan tersebut dibahagikan pasukan laut dan pasukan darat. Baginda berjaya mengepung tentera Portugis di Kota A Famosa selama dua bulan dan berjaya membunuh panglima perang Portugis (Diego Lopez de Fonseca). Serangan Aceh dikatakan hampir mencapai kemenangan namun menemui kegagalan apabila ada dalam kalangan mereka yang belot dengan melarikan diri ke Goa, India untuk meminta bantuan ketenteraan. Pembelotan juga berlaku dalam kalangan tentera Melayu dari Pahang, Johor dan Pattani dengan bertindak membantu tentera Portugis yang terkepung itu. Walaupun, Aceh kalah dalam peperangan terbesar itu, pihak Portugis dikatakan mengalami kerugian yang amat besar dan hampir mufliis dan pengaruhnya semakin luntur. Kegagalan tiga orang negarawan Aceh iaitu Sultan Ali Mughayat Syah, Sultan Ala'uddin Riayat Syah dan Sultan Iskandar Muda telah mengangkat kemasyhuran Aceh sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi digeruni oleh Portugis yang cuba menyebarkan agama Kristian bukan semudah seperti yang disangkakan. Kekuasaan Portugis di Melaka berakhir pada tahun 1641 dengan visi yang gagal akibat asakan semangat jihad penduduk dan kerajaan Islam di kepulauan Melayu. Keimanan dan semangat jihad penduduk Islam tidak boleh diperangi dengan kekuatan tentera dan senjata atau kekerasan.

Setiap kebangkitan dan kecemerlangan sesebuah kerajaan tentu ada kemerosotannya. Begitu juga dengan kerajaan Portugis di Melaka. Bab ke-9 mengulas faktor-faktor kejatuhan Portugis di Melaka. Impian Portugis untuk menyebarkan ajaran Kristian telah gagal kerana penduduk tempatan di rantau Melayu telah sehati dengan ajaran Islam dan menolak agama baharu yang bertentangan dengan Islam. Menjelang akhir abad ke-16, pengaruh Belanda mula berkembang dan akhirnya berjaya mengusir Portugis pada tahun 1641. Apa yang dapat dilihat ialah saki baki masyarakat campuran (Serani) yang beragama Kristian dan perbendaharaan bahasa Portugis ke dalam bahasa Melayu seperti almari, bendera, mentera, garfu, meja, sekolah, dan tarian *Jinkli Nona*. Penjarahan Portugis di Melaka tidak banyak membina ketamadunan, sosio-budaya dan peradaban masyarakat di alam Melayu. Kegagalan ini disebabkan syiar Islam telah bertapak kukuh dalam jiwa masyarakat Melayu. Oleh itu, ciri-ciri ajaran Kristian yang amat bertentangan dengan syiar Islam telah ditolak keseluruhannya.

Bab terakhir, pengarang cuba mengemukakan satu persoalan yang wajar direnungi bersama oleh para pembaca. Persoalannya ialah benarkah Semenanjung Tanah Melayu tidak pernah dijajah? Sebagai pembaca dan pengulas, saya menyokong hujah-hujah pengarang buku ini. Portugis hanya berjaya menakluki Kota Melaka sementara tidak di kawasan jajahannya yang lain (semenanjung Tanah Melayu dan sebahagian Sumatera). Belanda pula menduduki Melaka pada tahun 1641 setelah berjaya mengusir Portugis dan atas keizinan waris sultan Melaka di Johor. British tidak menjajah Tanah Melayu sebaliknya mengadakan perjanjian-perjanjian dengan sultan-sultan Negeri-negeri Melayu dan mengiktiraf institusi beraja. Hanya selepas Perang Dunia ke-2 (1946), British cuba menjajah seluruh semenanjung Tanah Melayu melalui Malayan Union namun berjaya digagalkan oleh raja-raja dan masyarakat Melayu. Oleh itu, adalah suatu kesilapan yang besar jika ada pihak yang mengatakan bahawa Tanah Melayu telah dijajah oleh

kuasa-kuasa asing selama 460 tahun (1511–1957). Pernyataan ini perlu diperbetulkan agar tidak mengelirukan generasi yang akan datang berkaitan fakta sejarah tanah air. Secara keseluruhannya, ulasan buku ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu sebelum penaklukan, semasa peperangan dan pasca penaklukan. Sebelum penaklukan mengisahkan kemasyhuran Melaka. Semasa peperangan menceritakan kehebatan pahlawan-pahlawan Melaka menentang tentera Portugis. Pasca penaklukan pula memperlihatkan corak pentadbiran dan politik yang dipraktikkan oleh Portugis.

**Mohd Helmi Bin Pangat (PhD)**  
Kementerian Pendidikan Malaysia